

GOLONGAN YANG TERCICIR DI SEPANJANG JALAN DAKWAH (USTAZ FATHY YAKAN)

sambungan (bahagian terakhir)

3. SEBAB LUAR YANG MENEKAN

TEKANAN UJIAN

Ramai di kalangan para duat yang berasa putus asa setelah diuji dengan banyak ujian sedang dahulunya dialah yang paling bersemangat dalam menjayakan sarana dakwah. Namun demikian haruslah difahami bahawa segala bentuk ujian adalah perlu demi membersihkan barisan dan menguji kekuatan iman . Allah berfirman dalam surah al ankabut ayat 1-3 yang bermaksud:

"Alif Lam Mim (hanya Allah yang tahu).Apakah manusia mengira bahwa mereka akan dibiarkan hanya dengan mengatakan, "Kami telah beriman," dan mereka tidak diuji? Dan sungguh, Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka Allah pasti mengetahui orang-orang yang benar dan pasti mengetahui orang-orang yang dusta."

Contoh lain dalam alquran adalah seperti berikut (Muhammad: 31), (ali imran : 173). (Al ahzab;22-23), (al ankabut:10-11), (ali Imran; 186).

Walaupun mehnah(ujian) sering melanda, sejarah membuktikan bahawa ada dua kesudahan bagi pendokong kebenaran sama ada mereka tercicir dari jalan dakwah ataupun sedikit deripadanya menjadikan ujian sebagai faktor kekuatan, kepercayaan, kemuliaan,peningkatan kecekalan yang membolehkan mereka terus berjalan dan lebih bersungguh-sungguh dalam membawa risalah Islam.

TEKANAN KELUARGA

Dalam kondisi ini , seringkali keluarga menakut-nakutkan seseorang tentang nasib buruk yang akan dialami sepertimana yang dihadapi oleh anak- anak para du'at , mujahidin dan al `amilin.

Ada pula ahli keluarga yang cuba menghalang ahlinya dari bergiat aktif dalam dakwah. Sehingga ada yang sanggup mendorong ahli keluarganya untuk melakukan pekerjaan yang hina dan mendorongnya ke tempat hiburan yang melalainya dari tujuan sebenar kehidupan. Ada juga sanggup memukul anaknya dan cuba menyusahkan anaknya dengan perkara-perkara yang boleh menyebabkan anaknya menarik diri dari dakwah.

Allah memberi amaran supaya jangan tunduk kepada ahli keluarga yang cuba untuk menyekat dan menghalang dari jalan islam seperti dalam firmanNya dalam surah at- taubah ayat 24 yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri- isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah- rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya) kerana Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)."

TEKANAN PERSEKITARAN

Seorang muslim yang dibesarkan dalam persekitaran yang mengambil berat tentang agama, apabila dia berpindah ke satu suasana lain sama ada untuk belajar atau bekerja, dia akan mendapati bahawa dunia baru penuh dengan kejahatan dan daya tarikan jahiliyyah. Ini menyebabkan pegolakan dalam diri terjadi. Sama ada dia sedar dan kesedaran itu menjadikan dia memulakan langkah dakwah ataupun dia tenggelam, jatuh dan gugur.

Antara faktor yang menjadikan seseorang itu jatuh oleh tekanan persekitaran adalah takwin (asas pembinaan) yang tidak kukuh, boleh jadi iltizam dakwahnya selama ini adalah iltizam atas dasar malu atau iltizam ikutan.

TEKANAN GERAKAN-GERAKAN MERBAHAYA

Ini merupakan satu faktor yang menggelincirkan para duat iaitu masuk ke dalam gerakan yang bertopengkan islam yang sebenarnya bekerja hanya untuk mengkritik, menimbulkan keraguan dan bertujuan untuk menghancurkan umat Islam. Ini merupakan satu gejala yang tidak sihat kerana menyebabkan para pemuda sibuk dengan perkara yang merugikan dan pandangan mereka dialihkan daripada melakukan tugas-tugas penting.

TEKANAN BERMUKA-MUKA (WAJAHAH)

Sikap bermuka-muka atau menaikkan diri sendiri adalah satu penyakit yang berpunca dari ujub, terpedaya dengan diri sendiri, kepentingan diri dan ego. Sikap inilah yang menyebabkan iblis yang bermegah-megah dengan kedudukannya akhirnya diusir dan termasuk dalam kalangan yang rugi.

Allah berfirman:

"Apakah yang menghalangmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api, sedang dia Engkau jadikan dari tanah."

(Al An Faal: 12)

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan kepada Allah, sama -sama kita mohon ketetapan, kecekalan, dan kesudahan hidup yang terbaik. Kita mohon perlindungan dari kehilangan nikmat dan ketibaan bala yang datang secara mengejut dan berada dalam kesejahteraan yang tidak merubah ke arah keburukan.

Ni' Mal Ajrul Amilin.

Semoga bermanfaat.

Wallahualam